

**KEY NOTE ADDRESS**  
**Y.B. MENTERI KERJA RAYA DATO' SHAZIMAN ABU MANSOR**  
**DI INDUSTRY FORUM: CONSULTATION ON LIBERALISATION IN THE**  
**CONSTRUCTION SECTOR**  
**SELASA 10 PAGI, 23 MAC 2010**

---

YANG BERBAHAGIA DATUK THOMAS GEORGE  
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA

YANG BERBAHAGIA TAN SRI DATO' IR. JAMILUS BIN HUSSEIN  
PENGERUSI CIDB MALAYSIA

YANG BERBAHAGIA DATUK IR. HAMZAH HASAN  
KETUA EKSEKUTIF CIDB MALAYSIA

TAN SRI - TAN SRI, DATO' SRI - DATO' SRI, DATO'-DATO', WAKIL-  
WAKIL MEDIA MASSA, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN.

ASSALAMUALAIKUM W.B.T. DAN SALAM SEJAHTERA.

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia Nya dapat kita bersama di forum ini pada pagi ini. Sesungguhnya, saya berbangga kerana dapat bersama dengan tuan-tuan dan puan-puan, pemain industri, yang merupakan penyumbang utama kepada usaha-usaha pembangunan negara. Sesungguhnya forum ini merupakan satu forum yang sangat besar makna dan pengertiannya kepada industri pembinaan negara.
  
2. Saya berpandangan adalah wajar program forum-forum penerangan seperti ini di adakan dari masa ke semasa sebagai usaha

berterusan kementerian khasnya di dalam memberi kesedaran dan maklumat-maklumat terkini mengenai liberalisasi kepada seluruh rangkaian industri pembinaan dan mendapat maklumbalas daripada pihak industri terhadap pelaksanaan dasar liberalisasi kerajaan .

Tuan- tuan, puan-puan yang dihormati sekalian,

3. Transformasi pembangunan ekonomi negara lebih 50 tahun semenjak kemerdekaan merupakan pencapaian yang amat cemerlang. Dalam tempoh ini, kita telah beralih daripada sebuah negara pengeluar barangan komoditi utama kepada sebuah negara perindustrian berasaskan eksport.

4. Untuk merealisasikan impian menjadi negara maju menjelang tahun 2020, kerajaan telah melancarkan Wawasan 2020. Bagi mencapai hasrat ini kerajaan perlu mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi pada kadar 8% setahun untuk mencapai pendapatan per kapita sebanyak RM30,000 dan kerajaan mengenalpasti sektor perkhidmatan sebagai peneraju dan penyumbang utama kepada pertumbuhan pesat ekonomi Malaysia.

5. Adalah dijangkakan pada tahun 2020, sektor perkhidmatan akan menjana 60% KDNK negara. Bagi Kementerian Kerja Raya, sektor yang akan diberi fokus adalah sektor pembinaan dan sektor perkhidmatan profesional iaitu jurutera, arkitek dan juruukur bahan.

Hadirin sekalian,

6. Dalam tempoh tiga dekad yang lalu, negara telah mencatat pertumbuhan ekonomi kukuh dan kita telah berjaya menjadi sebuah ekonomi berpendapatan pertengahan. Namun begitu, pertumbuhan ini terlalu bergantung kepada pelaburan modal. Malaysia kekal sebagai sebuah ekonomi yang mempunyai kadar upah yang rendah, kekurangan tenaga kerja mahir serta ekonomi yang terlalu bergantung kepada sektor pembuatan dan komoditi yang berorientasikan eksport semata-mata.

7. Kini, prestasi ekonomi negara tidak se pantas berbanding negara-negara utama di rantau ini. Jurang perbezaan ekonomi negara semakin ketara dibandingkan, terutamanya dengan Korea Selatan, Singapura dan Taiwan. Kalau dahulunya kita seiring, malahan pernah melebihi negara-negara berkenaan, kini mereka mendahului kita dari segi kadar pertumbuhan, pendapatan per kapita, keupayaan teknologi dan pembangunan modal insan.

8. Landskap ekonomi dan kewangan global kini lebih kompetitif. Dalam suasana global semasa ini, kita turut berdepan dengan persaingan yang kian hebat, terutamanya daripada negara-negara serantau, untuk menarik aliran masuk pelaburan asing serta tenaga kerja mahir dan berpengetahuan.

9. Ekonomi global sedang beralih ke arah satu era baru di mana fokus pertumbuhan global akan berubah. Kekuatan ekonomi negara China dan India yang dianggar mempunyai keupayaan untuk berkembang sebanyak lapan peratus setahun akan mendahului pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun yang akan berkembang jauh lebih rendah, iaitu sebanyak dua peratus

setahun. Ini akan mengubah ketara kekuatan ekonomi *emerging markets* berbanding ekonomi-ekonomi matang dunia. Peralihan ini dijangka menjadikan ekonomi China yang terbesar di dunia, manakala India yang ketiga terbesar. Ekonomi negara-negara Asean dan Timur Tengah juga dijangka akan menjadi lebih dinamik.

Hadirin sekalian,

10. Kita tidak boleh terus terperangkap dengan status negara berpendapatan sederhana selama-lamanya. Kita perlu membuka ruang seluas-luasnya dan menerokai laluan untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi. Oleh itu, model ekonomi baru yang akan diperkenalkan oleh **Kerajaan** dalam sedikit masa lagi bertujuan membolehkan negara beranjak kepada pertumbuhan ekonomi berkualiti tinggi berasaskan produktiviti, teknologi, inovasi dan kreativiti untuk menjadi teraju pertumbuhan dan pembentukan kekayaan baru masa depan.

11. Di samping itu, pertumbuhan ekonomi akan diterajui semula oleh peranan sektor swasta yang lebih dinamik, terutamanya dalam bidang pertumbuhan baru. Di sinilah peranan tuan-tuan amat diperlukan oleh kerajaan di dalam memacu pertumbuhan ekonomi berpendapatan tinggi yang lebih mampan.

12. Dalam tempoh 1980an dan 1990an, sektor swasta telah menerajui pertumbuhan ekonomi. Namun, sumbangannya kini telah merosot ketara. Pada tahun 1997, pelaburan swasta menyumbang

sebanyak 32 peratus daripada KDNK negara. Semenjak krisis kewangan Asia, sumbangannya telah ketara merosot, berkurangan sehingga lebih 20 peratus. Kini, sumbangannya kurang daripada 10 peratus, antara terendah di rantau ini.

13. Justeru, peranan dan sumbangan sektor swasta untuk memacu dan menjadi peneraju utama pertumbuhan ekonomi akan diperkukuhkan semula. Untuk ini, kita perlu menilai semula persekitaran dasar yang kurang kondusif untuk menjana kegiatan swasta yang lebih dinamik. Dasar-dasar yang menjejaskan daya saing serta menghindar inisiatif swasta untuk berkembang pesat diganti dengan dasar dan strategi menyedia dan menyokong persekitaran kondusif bagi sektor swasta untuk berkembang dengan lebih pesat lagi.

14. Ke arah ini, satu peralihan utama yang telah dimulakan pelaksanaannya ialah proses liberalisasi sektor perkhidmatan. Kerajaan telah pun mengumumkan liberalisasi 27 sub sektor perkhidmatan bertujuan untuk menarik lebih banyak pelaburan daripada dalam dan luar negara. Di samping itu, garis panduan jawatankuasa pelaburan asing (FIC) juga telah dipinda untuk memperkukuhkan daya tarikan negara sebagai lokasi melabur dan menjalankan perniagaan bagi pelabur tempatan dan asing, lantas menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan terpilih di rantau ini.

15. Dari sudut liberalisasi, perkara yang ditekankan adalah mempertingkatkan akses pasaran bagi membolehkan syarikat asing

berurusniaga di Malaysia dengan lebih telus dan terjamin. Selain itu, apabila membincangkan liberalisasi, ia bukan sahaja melibatkan penglibatan syarikat Malaysia ke luar negara, malah ia turut melibatkan kemasukan syarikat dari luar negara ke Malaysia untuk menjalankan pelbagai aktiviti perdagangan dan perkhidmatan.

16. Kerajaan telah menetapkan supaya sektor perkhidmatan diliberalisasikan sepenuhnya menjelang tahun 2012 bagi menggalakan pelaburan asing (FDI) ke dalam negara. Tindakan kerajaan ini secara jelasnya mampu membentuk satu persekitaran perniagaan yang kondusif bagi menarik pelaburan, teknologi serta menjana pelbagai peluang pekerjaan. Oleh kerana kesan berganda, fokus akan diberikan kepada sektor pembinaan sebagai pemangkin bagi pertumbuhan ekonomi negara. Sehubungan dengan itu, syarikat pembinaan Malaysia akan turut menghadapi era persekitaran bisnes dan persaingan yang baru.

17. Usaha liberalisasi kerajaan ini tidak dinafikan telah menimbulkan pelbagai reaksi daripada pelbagai pihak, khususnya kaum bumiputera yang merasakan konsep liberalisasi ini merupakan ancaman dalam usaha membantu usahawan bumiputera. Mereka berpendapat liberalisasi membuka ruang persaingan yang luas di mana kaum bumiputera masih belum bersedia dan masih lemah terutama dalam bidang kemahiran, pengalaman, modal dan pasaran berbanding kaum lain dari dalam mahupun luar negara.

18. Kemasukan syarikat asing dengan kapasiti modal yang besar dan banyak juga dikatakan mengakibatkan kontraktor dan profesional

tempatan tidak dapat bersaing kerana syarikat asing yang lebih berpengalaman akan menjadi pilihan utama pelanggan. Ini akan menjejaskan peluang syarikat-syarikat kontraktor dan profesional yang kebanyakannya SME untuk mendapatkan projek.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian

19. Kehadiran liberalisasi memang tidak dapat dielakkan. Ia pasti datang dengan membawa kebaikan dan tidak kurang juga bencana jika tidak dirancang dengan teliti. Negara memerlukan pertumbuhan ekonomi bagi pengagihan kekayaan dan ini boleh dilakukan melalui penarikan modal asing disamping sumbangan keluaran domestik. Rangsangan kemasukan modal asing akan rancak sekiranya terdapat liberalisasi dalam sektor ekonomi negara di samping kestabilan politik, kemudahan infrastruktur dan insentif.

20. **Semua kaum** perlu ditanamkan semangat kuat bersaing melalui kekuatan mental, kemahiran, dan keupayaan intelek. Mereka perlu memiliki sikap yang betul seperti amanah, urus tadbir yang baik, daya tahan, jaringan perniagaan, budaya, ilmu dan kemahiran untuk tujuan survival.

21. Kerajaan sedar bahawa dengan pencapaian dan peningkatan kemampuan bumiputera hari ini, perlumbaan ke arah keseimbangan ekuiti memerlukan tumpuan terhadap kecekapan dan penyertaan ekonomi yang sebenar, dan tidak tertumpu kepada sekadar pemilikan

sahaja. Kerajaan mempunyai skop yang lebih luas untuk membantu bumiputera jika mempunyai pertumbuhan yang tinggi.

Hadirin sekalian,

22. Kerajaan tidak membuka ruang kepada pemain industri asing secara sewenang-wenangnya. Liberalisasi bukan bermakna deregulasi secara total ke atas undang-undang dan peraturan semasa, tetapi sebaliknya liberalisasi membenarkan '*domestic regulations*' yang tidak bersifat diskriminasi, di antara pemain tempatan dan asing, diperkenalkan sebagai alat kawalan bagi menjaga kepentingan pemain-pemain industri tempatan termasuk kontraktor-kontraktor kecil dan sederhana seperti tuan-tuan sekalian.

23. Bukan niat kerajaan untuk membiarkan kontraktor-kontraktor tempatan kita menderita dengan melaksanakan dasar liberalisasi ini. Sehubungan dengan itu juga, saya telah mengarahkan agensi-agensi dan badan-badan berkaitan dengan professional pembinaan meneliti peraturan-peraturan tempatan yang sedia ada bagi mengawal kemasukan pemain-pemain industri pembinaan asing apabila keseluruhan rangkaian sektor pembinaan diliberalisasikan sepenuhnya menjelang 2012 nanti.



24. Kemasukan syarikat dari luar negara akan membuka peluang kepada syarikat tempatan untuk turut terlibat dalam rangkaian perdagangan dan perkhidmatan yang ditawarkan. Syarikat berskala besar ini memerlukan sokongan daripada syarikat tempatan seperti bekalan bahan mentah dan tenaga kerja. Peluang pekerjaan yang wujud ini secara tidak langsung akan menyumbang kepada kekurangan kadar pengangguran negara. Oleh itu, syarikat tempatan harus bijak mengambil peluang yang boleh memberi manfaat kepada syarikat mereka.

25. Dalam konteks ini juga, adalah wajar syarikat tempatan membina dan meningkatkan kualiti serta keupayaan perkhidmatan mereka supaya lebih kompetitif dan berdaya saing selaras dengan keperluan liberalisasi. Syarikat yang tidak berdaya saing akan tersisih dan gagal bersaing dalam persekitaran pasaran ekonomi semasa. Adalah diakui bahawa syarikat pembinaan Malaysia yang bersaiz kecil dan sederhana juga akan menerima impak yang besar daripada proses liberalisasi ini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

26. Pada masa sekarang saya perhatikan bahawa ramai kontraktor tempatan telah mula mendapat perhatian di peringkat global dengan mempamerkan kewibawaan dan keupayaan yang setanding dengan kontraktor-kontraktor antarabangsa yang lain. Daripada data yang diperolehi, kontraktor-kontraktor tempatan telah terlibat secara

langsung di dalam 614 projek antarabangsa di pelbagai negara dengan nilai keseluruhan sebanyak US Dollar 24.34 billion. Daripada angka ini, 489 projek bernilai US Dollar 9.35 bilion telah pun disiapkan dan selebihnya sedang di dalam pembinaan.

27. Begitu juga dengan penglibatan syarikat-syarikat professional diperingkat global juga amat membanggakan, di mana daripada 361 syarikat pembekal professional berkaitan dengan pembinaan yang berdaftar dengan PSDC, 109 daripada mereka telah memulakan langkah untuk bergiat diperingkat antarabangsa dengan melibatkan diri di dalam 412 projek antarabangsa. 208 daripada projek-projek tersebut telahpun selesai dilaksanakan.

Hadirin sekalian.

28. Oleh itu, saya berharap agar tuan-tuan mengambil inisiatif untuk melibatkan diri di dalam merebut peluang-peluang yang disediakan oleh negara luar sebagai batu loncatan ke arah penerokaan global yang lebih jauh lagi. Suka saya mencadangkan supaya tuan-tuan bergabung di bawah syarikat yang bersifat *multi-disciplinary* dan mengujudkan konsortium yang berwibawa agar tuan-tuan dilihat lebih berkeupayaan dan gah untuk bersaing dengan syarikat-syarikat luar. Ini adalah kerana pelanggan kepada projek-projek yang dilaksanakan ini lebih yakin kepada syarikat-syarikat yang boleh menyediakan *total solution* kepada projek yang mereka tawarkan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

29. Seperti yang saya sebutkan diawal tadi, gelombang liberalisasi telahpun melanda senario ekonomi negara dan serantau dan ianya tidak dapat dibendung lagi. Sehubungan dengan itu, seluruh rangkaian industri pembinaan perlu melengkapkan kapasiti dan keupayaan masing-masing terutamanya struktur organisasi, kewangan dan kepakaran untuk memastikan Malaysia tetap berdaya saing di peringkat tempatan dan global.

30. Negara-negara seperti China dan India akan merupakan fokus untuk pelaburan infrastruktur pada masa depan. Untuk mencapai tujuan ini, PSDC dan CIDB harus mengkaji peranan masing-masing dengan berorientasikan pasaran untuk membantu kontraktor tempatan dan pembekal perkhidmatan profesional menjadi lebih kompetitif dan berdaya-saing di dalam dan di luar negara.

31. Pada hakikatnya, cabaran ekonomi masa depan yang menanti kita akan lebih rumit dan mencabar. Formula kejayaan pembangunan negara 50 tahun dahulu tidak boleh menjamin sepenuhnya kecemerlangan ekonomi masa depan. Model ekonomi baru akan mengambil kira persekitaran global yang telah berubah menjadi lebih kompetitif, serta mengenal pasti dan merebut peluang-peluang baru dalam arena global.

32. Pelaksanaan model ekonomi baru menuntut transformasi lebih menyeluruh dari segi dasar dan strategi pembangunan ekonomi supaya kita dapat meletakkan negara di kalangan negara-negara berpendapatan tinggi. Transformasi ini perlu **dilaksanakan** oleh kerana perubahan persekitaran ekonomi dan

kewangan global yang kini pantas berlaku, terutamanya selepas krisis kewangan dan ekonomi global baru-baru ini.

33. Pengumuman kerajaan untuk mempercepatkan proses liberalisasi sektor perkhidmatan sepenuhnya menjelang 2012 menggambarkan keseriusan kerajaan dalam usaha untuk meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi negara melalui liberalisasi.

34. Memandangkan sektor pembinaan akan terlibat secara langsung dalam proses liberalisasi ini dalam masa yang terdekat, adalah penting para pemain industri pembinaan Malaysia diberi pendedahan terhadap proses liberalisasi secara keseluruhan. Usaha ini penting dalam memastikan para pemain industri pembinaan Malaysia bersedia menerima serta menghadapi cabaran liberalisasi ini dan dalam masa yang sama memastikan bisnes mereka dapat bertahan dalam arus liberalisasi ini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian

35. Akhir kata, saya berharap forum pada hari ini akan meneliti lagi isu-isu dasar yang perlu di beri penyesuaian dan penekanan supaya matlamat kita untuk menjadi sebuah ekonomi berpendapatan tinggi di kalangan negara-negara maju dalam tempoh satu dekad akan datang akan tercapai. Kerajaan berharap dasar liberalisasi ini dapat direalisasikan dan seterusnya dapat diterima serta dilaksanakan dengan telus dengan memberi impak positif kepada pertumbuhan ekonomi negara. Saya mengharapkan forum industri ini berjalan dengan lancar dan objektif utama forum tercapai sepenuhnya.

Sekian, wabillah taufiq walhidayah, wassalamu-alaikum w.b.t dan  
Terima kasih.